

Newspaper
Date

Utusan Malaysia
1 March 2016

Najib seorang yang penyabar

UM - 1/3/2016

KUALA LUMPUR 29 Feb. - Datuk Seri Najib Tun Razak disifatkan sebagai seorang yang begitu penyabar sehingga sukar untuk melihat Perdana Menteri meninggikan suara kepada mana-mana pekerja atau kenalan beliau.

Demikian penilaian Pengerusi Yayasan Penyelidikan Transformasi (FORT), Profesor Datuk Seri Dr. Khairil Annas Jusoh yang mengenali dan berpengalaman bertugas dengan Najib sejak hampir 19 tahun lalu.

Khairil Annas berkata, sepanjang bertugas bersama Perdana Menteri hanya tiga kali sahaja beliau dimarahi oleh Najib.

"Hanya tiga kali Najib marah

dekat saya, yang paling dahsyat beliau mengetap gigi tapi tidak meninggikan suara terhadap saya.

"Najib seorang yang sentiasa 'cool' dan berperwatakan lelaki budiman (gentleman)," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran buku *Najib Razak Berjiwa Besar Empat Dekad Menongkah Arus Kepimpinan dan Politik (1976-kini)*.

Khairil Annas yang juga penulis buku berkenaan berkata, Najib juga sentiasa berpegang kepada falsafah iaitu jangan menganiaya orang kerana doa orang yang teraniaya sentiasa dimakbulkan.

Katanya, Najib juga sering berpesan agar setiap pekerjaan sen-

tiasa dilakukan dengan ikhlas.

"Saya rasa mungkin beliau mewarisi sifat kepimpinan tersebut daripada ayahanda beliau, Allahyarham Tun Abdul Razak," jelasnya.

Dalam pada itu katanya, buku *Najib Razak Berjiwa Besar Empat Dekad Menongkah Arus Kepimpinan dan Politik (1976-kini)* merupakan hasil pengamatan mendalam beliau dan Dr. Sabri Mohamad Sharif terhadap kepimpinan Najib.

"Buku kami ini adalah bingkisan kasih sayang kami kepada Perdana Menteri melalui hasil pengamatan yang amat dekat dengan Najib," jelasnya.

Waktu Solat		MBSB				
KUALA LUMPUR dan kawasan sekitarnya						
6.08	7.23	1.28	4.43	7.29	8.38	
PULAU PINANG dan kawasan sekitarnya						
6.14	7.29	1.33	4.49	7.33	8.42	
KUANTAN dan kawasan sekitarnya						
6.03	7.19	1.23	4.37	7.23	8.33	
JOHOR BAHRU dan kawasan sekitarnya						
5.59	7.15	1.20	4.33	7.21	8.30	
KUCHING dan kawasan sekitarnya						
5.34	6.50	12.55	4.08	6.56	8.05	